

SUKARELAWAN KEJOHANAN SUKAN BADAN BERKANUN MALAYSIA 2007

Anda berminat? UKM memerlukan sukarelawan bagi persiapan penganjuran Kejohanan Sukan Bdan Berkanun.

Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia adalah sebuah kejohanan sukan yang dianjurkan khas bagi organisasi yang berdaftar sebagai badan berkanun. Kejohanan anjuran Persatuan Badan Berkanun Malaysia ini adalah bertujuan untuk membentuk hubungan silaturahim yang baik di kalangan organisasi yang mendaftar dan menyertai badan ini. Kejohanan yang dilangsungkan dua tahun sekali ini turut melibatkan beberapa Institusi Pengajian Tinggi termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia.

Edisi Kejohanan Sukan Badan Berkanun yang ke-5 ini menampilkan UKM sebagai tuan rumah kejohanan yang pada sebelum ini dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UITM). Kejohanan akan berlangsung pada 30 November hingga 8 Disember 2007. Sebanyak 76 agensi/organisasi berdaftar akan menyertai kejohanan pada kali ini yang mempertandingkan sebanyak 19 acara dan dijangka melibatkan seramai 10,000 orang atlet yang bertanding. Sehubungan dengan itu, Pusat Sukan UKM memerlukan tenaga sukarelawan bagi memastikan kejohanan berlangsung dengan baik.

Bersempena dengan penganjuran kejohanan ini, bagi melancarkan perjalanan kejohanan, Pusat Sukan mempelawa kepada seluruh warga UKM samada kakitangan atau pelajar yang berminat untuk menjadi pegawai teknikal dan sukarelawan sila hubungi Bahagian Pengurusan Acara, Pusat Sukan di talian 0389215177/5306/4193.

Borang Pendaftaran Sukarelawan boleh didapati kaunter Bahagian Pentadbiran/Kewangan Pusat Sukan Sukan mulai 28 September 2007. Tarikh akhir pendaftaran adalah pada 10 Oktober 2007 untuk dihantar kembali ke bahagian berkenaan.